



IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- 1. JAWATAN & GRED : PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19**
- a) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN (H)**
- b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**
- c) **KEKOSONGAN : 1 (SATU) JAWATAN**
- d) **TARAF JAWATAN : KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)**
- e) **KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN : RM 1,900.00**
- f) **SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

g) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang MDM.PERJ.1Pind. 1/2005 yang boleh didapati di laman sesawang Majlis Daerah Maran iaitu www.mdmaran.gov.my
- (b) Semua permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen-dokumen sokongan yang telah **DIAKUI SAH** seperti berikut:-
- i) Sekeping gambar berukuran passport;
 - ii) Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang)
 - iii) Salinan Sijil Kelahiran pemohon;
 - iv) Salinan Kad Pengenalan ibu dan bapa (sila sertakan sijil kematian sekiranya ibu atau bapa telah meninggal dunia. Bagi calon, ibu dan bapa yang merupakan pemastautin di Negeri Pahang melebihi 10 tahun perlulah mengemukakan surat pengesahan pemastautin yang dikeluarkan oleh Penghulu Mukim;
 - v) Salinan keputusan peperiksaan yang disyaratkan dalam iklan serta salinan sijil-sijil persekolahan; dan
 - vi) Sijil-sijil lain yang berkenaan.
- (c) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21, Bab 'A'.
- (d) Borang permohonan yang dilengkapi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 22 cm x 32 cm dengan setem yang mencukupi. Disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis Nama Jawatan yang dipohon.

C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,
MAJLIS DAERAH MARAN,
26500 MARAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.**

Sebelum atau pada 13 September 2024 (Jumaat)

D. CATATAN AM

- (i) Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:-
 - a. Tidak lengkap;
 - b. Tidak menggunakan Borang MDM.PERJ.1Pind.1/2005;
 - c. Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan disahkan;
 - d. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak; dan
 - e. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan.

- (ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.